

03 AUG 1997

MIC-Resolusi

DELEGASI MIC SARAN PENEMPATAN SEMPURNA UNTUK PEKERJA ESTET

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Perwakilan di mesyuarat agong MIC ke-51 di sini, hari ini menerima 11 resolusi antaranya menggesa kerajaan negeri agar tidak meluluskan perubahan hak milik dan pertukaran tanah estet tanpa memastikan penempatan semula yang selesa dan pampasan yang berpatutan kepada pekerja.

Resolusi itu menyarankan kerajaan negeri memastikan pekerja yang terbabit diberi penempatan sempurna seperti rumah kos rendah, bayaran pampasan yang berpatutan, sagu hati dan membina kuil Hindu dan sekolah Tamil.

"Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan Negeri perlu memastikan pemilik ladang tidak menggunakan taktik kotor untuk menghalau pekerja-pekerja itu seperti memotong bekalan air dan elektrik," kata mereka.

Lebih 1,300 orang perwakilan menghadiri perhimpunan dua hari yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Para perwakilan juga meminta dipercepatkan pelaksanaan keputusan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menjadi agensi utama dalam penyediaan kemudahan asas di estet yang keluasanya melebihi 100 hektar.

Mengenai kemudahan asas di sektor perladangan yang mengecewakan, mereka menyarankan kerajaan menyediakan kemudahan kesihatan yang setaraf dengan hospital dan klinik kerajaan dan juga mengambil alih hospital dan klinik estet.

Sambil memberi penekanan mengenai isu sosial, delegasi itu menggesa bahagian dan cawangan MIC bertanggungjawab sepenuhnya dalam menangani dan mengadakan program pemulihan.

Mengenai agama pula, sambil menyatakan kebimbangan terhadap penggunaan gambar dewa Hindu dalam barangan pengguna seperti di cakera padat dan kaset video, mereka meminta kerajaan untuk menggunakan undang-undang untuk menghalang perbuatan itu.

Dalam perdebatan yang panjang mengenai pendidikan, perwakilan itu berpendapat kebanyakan sekolah Tamil mungkin tidak sampai ke tahap minimum sekolah pintar kerana mereka kekurangan kemudahan asas dan tenaga pekerja dan menyarankan Kementerian Pendidikan mengambil langkah mengatasi masalah itu.

Menyentuh mengenai langkah kerajaan melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan (PINTAS) untuk menangani isu sosial, para perwakilan menyambut baik langkah yang diambil oleh Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Sosial Negara untuk menghasilkan modul latihan pembangunan keluarga dalam bahasa Tamil.

Mengenai program televisyen Tamil pula, mereka menyarankan Menteri Penerangan untuk meneliti semula waktu siaran berita Tamil di RTM 2.

Para perwakilan juga memberikan sokongan sepenuhnya kepada kepimpinan Dr Mahathir, dasar dan program beliau untuk Malaysia mengekalkan status sebagai negara membangun pada tahun 2000. -- BERNAMA

RV NN PR